No.23 Vol. 02 (2023)
e-ISSN 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my

PELAKSANAAN HIBAH HARTA BERCAGAR BERDASARKAN KES-KES HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH

IMPLEMENTATION OF COLLATERAL HIBAH BASED ON HIBAH CASES IN SHARIAH COURT

Nurul Syuhadah Binti Azalan[1] & Noor Lizza Binti Mohamed Said[2]
[1]Jabatan Syariah, Fakulti Syariah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah &
[2]Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Perkembangan Artikel

Diterima: 12 Januari 2023
Disemak: 30 Januari 2023
Diterbit: 31 Oktober 2023

*Corresponding Author:
Nurul Syuhadah binti Azalan, Jabatan Syariah. Fakulti Syariah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Malaysia.

Email:
nurulsyuhadah@unipsas.edu.my

Abstrak

Permohonan kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah meliputi isu hibah harta bercagar. Harta dicagarkan akan berkait dengan institusi kewangan dan perbankan kerana harta tersebut masih belum berada dalam milikan secara sempurna. Di Mahkamah Syariah, kebiasaannya hakim membuat keputusan bagi kes-kes pengesahan hibah dengan berpandukan kepada kitab-kitab fiqh walaupun terdapat pelbagai pendapat dalam kalangan fuqaha mengenai hibah termasuk berkaitan dengan isu hibah harta bercagar. Justeru, artikel ini adalah bertujuan untuk mengetahui keputusan yang dibuat oleh hakim di samping mengetahui kecenderungan penghakiman dalam mengguna pakai pandangan fuqaha bagi menyelesaikan kes-kes pengesahan hibah mengenai isu hibah harta bercagar di Mahkamah Syariah. Data-data kajian ini diperoleh daripada analisa kandungan dan laporan-laporan kes di Mahkamah Syariah. Hasil kajian mendapati terdapat keputusan kes hibah yang membenarkan hibah harta bercagar dilaksanakan dengan syarat tertentu. Oleh yang demikian, dengan mengetahui peghakiman hakim di Mahkamah Syariah, dapat membantu masyarakat dan syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah untuk memastikan hibah yang dibuat boleh diterima di Mahkamah Syariah.

Kata kunci*: hibah, bercagar, Hakim Syarie, Mahkamah Syariah*

Abstract

The application for a hibah confirmation case in the Shariah Court covers the issue of Collateral Hibah. Pledged property was related to financial and banking institutions because the property is not yet fully in possession. In the Shariah Court, judges usually make decisions for cases of hibah confirmation based on fiqh books even though there are various opinions among jurists regarding hibah, including related to the issue of Collateral Hibah. Thus, this article aims to find out the decision made by the judge in addition to knowing the tendency of the judgment in using the views of jurists to resolve cases of hibah confirmation on the issue of Collateral Hibah in the Shariah Court. The data of this study was obtained from content analysis and case reports in the Shariah Court. The results of the study found that there are hibah case decisions that allow Collateral Hibah to be implemented with certain conditions. Therefore, by knowing the judge's judgment in the Shariah Court, can help the community and companies that offer hibah products to ensure that the hibah made can be accepted in the Shariah Court.

Keywords*: hibah, collateral, Syarie Judge, Shariah Court*

PENGENALAN

Hibah harta bercagar turut menjadi isu kerana harta itu bukan berada di dalam milikan penuh pemilik harta, tetapi harta itu berada dalam milikan pemegang harta (Nasrul Hisyam 2011: 190). Merujuk kepada syarat barang yang hendak dihibahkan mestilah menjadi milik sempurna pemilik harta. Pemilik harta tidak boleh menguasai sepenuhnya harta tersebut kerana masih berada di bawah penguasaan pemegang harta. Walau bagaimanapun, apabila merujuk kes di Mahkamah Syariah, Hakim Syarie telah membenarkan hibah harta bercagar untuk diaplikasikan seperti yang dinyatakan dalam penghujahan kes *Raihanah binti Mohd Ali* v *Kamaruddin Bin Mohd Nor & Lain-lain* [2008] JH 26(2). Sedangkan syarat mengenai barang hibah turut dinyatakan oleh Hakim Syarie dalam penghujahan kes *Kamsiah Binti Yusof* v *Latifah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain* [2009] JH 27(2) mengenai rukun hibah yang ketiga iaitu harta yang dihibahkan hendaklah menjadi milik pemberi hibah secara sempurna.

Justeru, kajian ini perlu dilakukan bagi menganalisis kes-kes hibah harta bercagar di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pahang. Justeru, penulis mengharapkan kajian ini dapat membantu dan memberi panduan kepada masyarakat di Malaysia bagi menghasilkan produk hibah dengan lebih terancang dan lebih memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat supaya ianya menepati hukum syarak.

KEDUDUKAN HIBAH HARTA BERCAGAR DI MALAYSIA

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, harta bercagar ialah harta yang dijadikan taruhan ketika berhutang. Harta bercagar juga boleh membawa maksud barang yang digadaikan. Manakala hibah menurut Ibn Manzur mendefinisikan hibah sebagai pemberian yang tidak mengharapkan apa-apa balasan dan tidak mempunyai sebarang tujuan (Ibn Manzur, 2006). Oleh yang demikian, hibah harta bercagar adalah pemberian harta yang masih dalam status cagaran atau gadaian. Oleh itu, hibah harta bercagar akan melibatkan tiga pihak iaitu pemilik harta, pemegang gadaian dan penerima harta hibah.

Hibah diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah berdasarkan senarai negeri, jadual kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, berdasarkan Seksyen 242 Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], sesuatu cagaran untuk menjamin sesuatu hutang hendaklah didaftarkan menerusi borang 16A. Apabila sesuatu hutang telah selesai dilunaskan, secara tidak langsung hutang tersebut bukan lagi berada dalam status cagaran. Oleh yang demikian, pindahan milik melalui apa sahaja transaksi boleh berlaku bagi memastikan pihak pemegang gadaian dan penerima hibah tidak menanggung sebarang risiko (Termizi 2018: 10).

Di samping itu, kebanyakan harta tidak menjadi milik secara sempurna sepenuhnya kerana harta tersebut masih wujud tanggungan daripada Institusi Perbankan dan terdapat peraturan yang ditetapkan daripada Institusi Perbankan yang tidak membenarkan pindahan milik berlaku selagi mana masih di bawah tempoh pembiayaan. Oleh yang demikian, walaupun perlu mendapat kebenaran pihak bank, keadaan tersebut adalah mustahil apabila melihat situasi masa kini (Nasrul Hisyam 2011: 193).

PERBAHASAN FUQAHA MENGENAI HIBAH HARTA BERCAGAR

Harta yang masih dalam cagaran tidak menjadi milik sepenuhnya pemilik harta. Dari sudut fiqah, pemilikan sempurna atau pemilikan penuh terhadap sesuatu harta bermaksud seseorang memiliki dan menguasai sepenuhnya sama ada dari segi zat atau manfaatnya (al-Zuhayli, 1989: 491). Sekiranya pemilikan tersebut hanya zat sahaja atau hanya manfaat sahaja, maka pemilikan itu belum dikira sempurna dari segi syarak. Di antara ciri-ciri pemilikan sempurna ialah pemilikan yang tidak terikat dengan tempoh masa tertentu dan tidak boleh melakukan penguasaan tanpa pemiliknya kerana hanya pemilik harta tersebut yang layak sama ada pemilik ingin mewakaf, mewasiat, menjual, menyewa atau menghibahkan hartanya.

Oleh yang demikian, maka disyaratkan kepada pemberi hibah itu mestilah memiliki harta tersebut dengan sempurna dan mempunyai kuasa melakukan *tasarruf* mutlak (pegangan bebas) terhadap hartanya (al-Khatib 2003: 123). Dalam perbahasan fuqaha, terdapat dua pandangan sama ada harta yang berstatus gadaian boleh dihibahkan atau tidak boleh dihibahkan. Antara pandangan fuqaha ialah:

i. Menurut mazhab Hanafi dan mazhab Maliki berpendapat bahawa hibah harta bercagar dibolehkan sekiranya mendapat keizinan pemilik harta semasa akad (al-Zuhayli 1989: 264-265). Menurut mazhab Hanafi, kelayakan ini merupakan syarat *al-nafadh* (perlu keizinan) kerana hibah harta benda milik orang lain akan sah apabila mendapat izin daripada pemilik harta kerana seseorang tidak dibenarkan memberikan sesuatu benda yang bukan miliknya kepada orang lain (al-Zuhayli 1989: 14). Namun begitu, sekiranya pemegang gadaian tidak memberi izin atau pemberi hibah tidak mendapat izin daripada pemegang gadaian, sekiranya dia menghibahkan juga, akad hibah tersebut tidak sah. Ini bermakna, hibah tidak terus batal, tetapi tergantung sehingga mendapat izin pemegang gadaian terlebih dahulu kerana pemegang gadaian mempunyai hak terhadap harta tersebut.

   Dalam situasi jual beli, apabila penggadai ingin menjual barang yang berada dalam status gadaian, hendaklah dengan izin pemegang gadaian. Proses jual beli akan tergantung seketika kerana terdapat hak orang lain ke atas harta tersebut sehinggalah pemegang gadaian memberi izin (al-Marghinani t.th: 416). Begitu juga sekiranya pemindahan milik melalui hibah dilakukan oleh pemegang gadaian. Pemegang gadaian tidak boleh menghibahkan barang yang berada dalam pegangannya melainkan dengan izin pemilik barang tersebut kerana pemegang gadaian hanyalah sebagai pemegang dan menahan harta daripada digunakan seperti yang dijelaskan di dalam perkara 857 Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah halaman 165 yang turut menyetujui pandangan daripada mazhab Hanafi:

   “Jika seseorang menghibahkan harta orang lain tanpa izin pemilik harta, hibah itu tidak sah. Tetapi sekiranya selepas pemberian hibah dibuat, pemilik harta itu membenarkan pemberian tersebut, maka hibah itu menjadi sah kerana kebenaran yang dilakukan kemudian itu sama (kedudukannya) dengan perwakilan yang dibuat sebelum daripadanya hibah itu.”

ii. Menurut mazhab Shafii dan mazhab Hanbali, mereka berpendapat bahawa hibah yang dilakukan terhadap harta milik orang lain tanpa izin penggadai adalah batal namun akad gadaian adalah sah kerana harta tersebut bukan miliknya. Sekiranya akad hibah itu dilakukan dengan izin daripada pemilik harta, maka hibah tersebut sah namun akad gadaian adalah batal (al-Zuhayli 1989: 266). Mazhab Shafii meng*qiyas*kan dengan jual beli. Hibah akan terbatal sekiranya menghibahkan harta milik orang lain seperti hukum batalnya jual beli sekiranya dilakukan bukan pemilik harta kerana menyebabkan pemilik harta hilang hak pemilikan (al-Rafi'i 1997: 317). Jika ia berlaku dengan izin penggadai, hibah itu adalah sah namun batal akad gadaian barang tersebut (al-Zuhayli 1989: 266) kerana status harta cagaran itu adalah sebagai pengikat hutang yang berada di bawah pegangan pemegang gadaian (al-Sharbini 1997: 170). Namun begitu, pemegang gadaian boleh menarik balik keizinan tersebut sebelum berlaku pemilikan melalui hibah kerana haknya masih kekal di situ (al-Sharbini 1997: 174). Selain itu, menurut mazhab Shafii dan mazhab Hanbali, hibah harta milik orang lain dianggap sebagai pemberian oleh orang yang tidak mempunyai kelayakan dari sudut syarak kerana harta itu bukan sepenuhnya menjadi miliknya.

Maksudnya:

Barang yang digadaikan tidak dipisahkan pemilikannya dari pihak yang memilikinya, bagi pihak yang menggadaikan manfaat bagi barang tersebut dan menjadi tanggungannya pula kerugian barang yang digadaikan[1].

Berdasarkan pendapat daripada mazhab Hanafi, terdapat kelonggaran dengan membenarkan hibah harta bercagar dibuat setelah mendapat izin daripada pemilik harta tersebut (Ibn Qudamah t.th: 653). Sekiranya, tiada keizinan daripada pemilik harta, maka hibah tersebut menjadi batal dan tidak sah. Sebaliknya menurut pandangan mazhab Shafii dan mazhab Hanbali, hibah harta bercagar dibolehkan setelah mendapat izin pemilik harta namun harta tersebut tidak berada dalam status cagaran atau gadaian. Justeru, akad yang terlibat hanya hibah sahaja dengan pihak yang menerima harta hibah tersebut manakala akad gadaian dengan pemegang harta gadaian adalah batal.

KEPUTUSAN KES HIBAH HARTA BERCAGAR DI MAHKAMAH SYARIAH

Hibah ini merupakan inisiatif kepada permasalahan harta pusaka yang semakin meruncing pada masa kini. Rentetan daripada itu, muncul isu hibah harta bercagar disebabkan kebanyakan harta umat Islam belum lagi menjadi milik sepenuhnya kerana masih di bawah cagaran pihak bank dan institusi-institusi kewangan (Nasrul Hisyam 2011: 182). Terdapat beberapa kes hibah harta bercagar yang telah diputuskan oleh hakim dan hujahan hakim adalah berbeza-beza dalam menentukan kesahan hibah tersebut.

[1] al-Tabrizi, 2001, *Marqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*, Kitab al-Buyu^{c} , Bab al-Salam wa al-Rahn, no.hadis 2887.

Antara kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah mengenai isu hibah harta bercagar ialah kes *Mohd Hassan Bin Ismail* v *Habshah Binti Alias dan Lapan Defendan Yang Lain* (10300-044-0711-2012) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Di dalam kes ini, Mohd Hassan adalah anak angkat kepada Ismail Bin Serai (si mati) dan defendan pertama. Si mati dan defendan pertama bernikah pada 7 November 1980 dan tidak dikurniakan cahaya mata. Si mati meninggal pada 18 Disember 2011. Defendan kedua sehingga defendan kesembilan merupakan saudara kandung dan juga waris-waris si mati. Plaintif menuntut untuk sahkan hibah bagi hartanah yang didaftarkan atas nama si mati.

Plaintif di dalam keterangannya menyatakan ketika beliau masih bersekolah lagi si mati ketika hayatnya pernah bersembang ibu angkat plaintif dengan mengatakan rumah bukit changgang itu ingin diberikan kepada plaintif.

Tetapi tiada kata penerimaan daripada plaintif yang pada ketika itu hanya berdiam diri. Si mati juga pernah mengulang hasrat ingin memberikan rumah tersebut kepada plaintif di rumah sepupu plaintif. Pada ketika itu plaintif berumur 17 tahun. Hakim Bicara berpandangan ketika ini hanya penyataan hasrat dari si mati untuk menghibahkan harta tersebut. Di samping itu harta ini masih di bawah pegangan hutang dan pihak ketiga yang memegang hutang tidak dimaklumi serta mengizinkannya untuk menghibahkan kepada plaintif. Hujahan hakim mengenai harta yang ingin dihibahkan yang masih berstatus gadaian ketika lafaz pertama diucap menunjukkan keputusan hakim selari dengan pendapat fuqaha yang tidak mengizinkan hibah itu berlaku sekiranya tiada keizinan daripada pihak ketiga.

Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhujah:

"Walau bagaimanapun, bagi harta yang dicagarkan atau digadai atau dalam pegangan orang lain, syarat barang/harta yang dihibah ini menjadi sah dengan syarat pihak ketiga dimaklumi dengan hibah tersebut serta mengizinkannya untuk dipindahmilikan."

Berdasarkan penghujahan di atas, impak kesahan hibah harta bercagar adalah bergantung kepada keizinan pihak ketiga. Sekiranya harta tersebut di dalam gadaian pihak bank, maka pihak bank hendaklah diberitahu tentang pemindahan milik melalui hibah dan perlu mendapat izinnya. Sekiranya pihak bank mengizinkan pemilik harta tersebut melakukan hibah maka hibah tersebut menjadi sah dan dibolehkan. Sekiranya pihak bank tidak mengizinkan akad hibah berlaku, maka hibah tersebut adalah tidak sah.

Begitu juga di dalam kes *Fadhlan Bin Chong* v *Noor Badlina Binti Basri* (10100-044-0242-2013) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Plaintif dan defendan telah bercerai pada 11 Jun 2012 dengan talak satu. Pada 9 November 2011 plaintif telah membuat akuan hibah kepada defendan. Antara harta-harta yang ingin dihibahkan ialah sebuah rumah dua tingkat, kereta Mercedes Benz dan Honda Accord, simpanan wang di KWSP dan apa-apa wang pampasan, wang simpanan dalam akaun persaraan daripada American International Assurance Bhd (AIA), perlindungan insurans, Plan pembelian saham pekerja dan akaun simpanan tabung haji. Di dalam kes ini plaintif memohon kepada mahkamah satu perintah bahawa akuan hibah itu adalah tidak sah dan tidak menepati kehendak rukun dan syarat hibah yang ditetapkan oleh hukum syarak.

Tuntutan plaintif ini atas sebab rumah dua tingkat adalah rumah pusaka milik plaintif kerana rumah tersebut didiami oleh ibu kandung plaintif yang menunjukkan tiada penerimaan daripada pihak defendan. Kereta Mercedes Benz walaupun berada pada defendan tetapi plaintif ada menyatakan untuk mengambil semula tetapi defendan enggan memulangkannya. Plaintif masih meneruskan membuat bayaran ansurans bulanan kereta itu. Kereta Honda telah dijual dan penjualan kereta dalam pengetahuan defendan. Bagi wang dalam KWSP, AIA, ING, ESPP dan Tabung Haji tidak ada amaun tetap. Selain itu, akuan hibah dibuat adalah bersyarat kerana sebahagian harta tersebut belum menjadi milik sempurna plaintif kerana masih dalam tanggungan dan dalam gadaian kepada pihak lain. Akuan hibah tersebut dibuat tanpa kerelaan plaintif kerana plaintif diberitahu oleh defendan bahawa alasan hibah dibuat untuk mengelak harta-harta milik plaintif jatuh ke baitulmal selepas kematian plaintif kerana mereka tidak dikurniakan anak lelaki di samping plaintif adalah seorang *muallaf*.

Penghujahan hakim dalam kes ini ialah dengan melihat penelitian dokumen Borang 16A Kanun Tanah Negara rumah dua tingkat tersebut telah digadai kepada pihak Public Bank Berhad. Oleh yang demikian, mahkamah telah merujuk kitab *Fiqh Islami wa Adillatuh* mengenai syarat barang yang ingin dihibahkan iaitu barang yang dihibah itu hendaklah dimiliki oleh pemberi hibah. Oleh yang demikian, seseorang itu tidak boleh membuat hibah ke atas harta orang lain melainkan setelah mendapat izin daripada pemilik harta itu.

Hakim Bicara juga merujuk kes Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu iaitu kes *Raihanah Binti Mohd Ali* v *Kamarudin Bin Mohd Nor Dan Tiga Yang Lain* [2008] JH 26(2). Di dalam kes tersebut, didapati status barang yang dihibahkan itu masih di bawah pembiayaan harga tangguh iaitu *Bay' Bithaman Ajil*, hakim telah putuskan, hendaklah dengan mendapat izin pihak ketiga iaitu Perbendaharaan Malaysia.

Berdasarkan dokumen gadaian Borang 16A jelas menunjukkan plaintif sebagai tuan empunya tanah dan rumah telah menggadaikan kepada pihak Public Bank Berhad. Namun tidak mengemukakan keizinan daripada pihak tersebut. Oleh itu, mahkamah mendapati plaintif gagal memenuhi syarat-syarat sahnya pemberi hibah untuk membuat hibah. Begitu juga kereta Mercedes Benz yang masih dalam tuntutan hak milik Bank Muamalat Malaysia Bhd dan juga kereta Honda Accord yang masih dalam tuntutan hak milik Maybank Islamic semasa hibah dibuat. Oleh itu mahkamah memutuskan hibah yang dibuat itu adalah tidak sah.

Hakim dalam kes ini sependapat dengan mazhab Hanafi dan mazhab Maliki iaitu hibah harta bercagar dibolehkan sekiranya mendapat keizinan pemilik harta semasa akad (al-Zuhayli 1989: 264-265).

Seterusnya, di dalam kes *Zaiton Bin Mohamed* v *Khursiah Jan Binti Wali Ahmad dan Lain-lain* (10300-044-0503-2014) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Zaiton Binti Mohamed adalah isteri kepada Wali Ahmad Bin Sulaiman (si mati) yang telah meninggal dunia pada 12 Ogos 2013. Manakala defendan-defendan adalah anak kandung mereka. Pada 2 Oktober 2014, plaintif memfailkan satu tuntuntan yang diwakili oleh firma Tetuan Khairul Masni & Associates terhadap harta yang dihibahkan iaitu ke atas sebidang tanah bersama sebuah rumah. Si mati telah membuat hibah pada 23 September 2012 dan telah menandatangani satu Surat Ikatan

Amanah Hibah yang telah disempurnakan di hadapan plaintif, dan defendan-defendan serta dua orang saksi di rumah mereka.

Isu dalam kes ini adalah tanah yang digadai. Tanah tersebut pernah digadai oleh si mati kepada pihak Lembaga Pelabuhan Klang. Tujuan gadaian dibuat adalah kerana si mati mendapat pinjaman wang melalui syarikat tempat si mati bekerja iaitu Lembaga Pelabuhan Klang untuk tujuan membina rumah di atas tanah tersebut. Semasa si mati membuat hibah, pinjaman tersebut masih belum selesai dibayar. Namun selepas si mati meninggal dunia, pinjaman tersebut telah diselesaikan melalui syarikat insurans.

Pada asalnya tanah tersebut adalah hak milik si mati yang diperolehi tanpa sebarang pinjaman daripada mana-mana pihak. Si mati telah menjadikan tanah tersebut sebagai gadaian kepada Lembaga Pelabuhan Klang demi memperoleh pinjaman wang untuk membina rumah di atasnya. Semasa hibah dibuat, gadaian tersebut masih ada tunggakan lebih kurang sebanyak RM3000.00. Namun begitu, baki hutang telah diselesaikan oleh syarikat insurans setelah si mati meninggal dunia.

Hakim bersandarkan kepada kitab *Fiqh Islam wa Adillatuh* dengan meneliti syarat pemberi hibah ialah memiliki penuh barang itu, bukan barang yang dirampas atau barang yang digadai atau barang pinjaman atau barang yang tidak diketahui. Hakim Bicara juga menekankan hendaklah harta tersebut tidak bercampur dengan milik orang lain. Bagi kes ini, tanah tersebut dimiliki oleh si mati pada asalnya, akan tetapi telah digadai kepada Lembaga Pelabuhan Klang atas tujuan untuk mendapat wang membina rumah atas tanah tersebut. Bagi membiayai kos membuat rumah, tanah tersebut telah dibuat cagaran bagi mendapatkan sejumlah wang bagi pembayaran kos berkenaan.

Maka ini menunjukkan harta tersebut bukan hak si mati sepenuhnya. Hakim Bicara berpandangan bagi harta yang dicagarkan hibah itu menjadi sah tetapi dengan syarat pihak ketiga dimaklumi dan mengizinkan pindah milik itu berlaku.

Sebaliknya, menurut Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan seperti di dalam kes *Mohd Pauzi Bin Ibrahim* v *Nor ᶜAliah Binti Ibrahim* (06100-044-0306-2015), hakim membenarkan penggadai iaitu pemilik harta mengendalikan harta tersebut termasuklah menghibahkan harta tersebut kepada orang lain. Namun begitu, pemegang gadaian tidak boleh melakukan apa-apa transaksi ke atas harta yang berada dalam tanggungannya tanpa izin penggadai kerana harta tersebut bukan miliknya. Hakim Bicara dalam kes ini telah membuat tafsiran yang berbeza.

"Mahkamah berpendapat bahawa status pemohon sebagai penggadai adalah berhak baginya untuk mengendalikan harta-harta tersebut termasuklah untuk menghibahkan harta tersebut. Ini kerana pemegang gadaian tidak boleh menguruskan barang gadaian dengan menjual dan seumpamanya tanpa izin penggadai."

Berdasarkan pandangan Hakim Bicara, prinsip asal dalam isu ini akad hibah menjadi sah dengan keizinan pihak pemegang gadaian. Namun begitu, beliau berpendapat sekiranya tiada keizinan daripada pihak pemegang gadaian, beliau akan mengesahkan hibah tersebut apabila mendapati tiada risiko yang bakal ditanggung oleh pemegang gadaian sekiranya hibah harta bercagar ini dibolehkan. Dengan erti kata lain, sekiranya ada sesuatu yang boleh menjamin harta

tersebut seperti takaful keberangkalian untuk meluluskan kes tersebut adalah tinggi walaupun tanpa keizinan daripada pihak pemegang gadaian.

Begitu juga kenyataan daripada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang berpendapat hibah status harta bercagar hendaklah dengan keizinan pemegang cagaran. Namun begitu, sekiranya harta hibah yang berstatus gadaian dilindungi oleh takaful, maka hibah yang dilakukan adalah sah walaupun tanpa keizinan pemegang gadaian (Nassir 2017).

Kenyataan tersebut juga selari dengan penghakiman hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan dalam kes *Yati Suraya* v *Supiah Binti Abu*. Hakim Syarie telah meluluskan hibah harta bercagar dilaksanakan walaupun tanpa izin pemegang gadaian asalkan harta bercagar tersebut dilindungi oleh syarikat insurans atau syarikat takaful (Termizi 2018: 14).

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati isu hibah harta bercagar berkait dengan syarat barang yang dihibahkan iaitu hendaklah menjadi milik sempurna pemberi hibah.

Terdapat kes-kes di Mahkamah Syariah yang membincangkan isu hibah harta bercagar ini. Berdasarkan keputusan Hakim-hakim Bicara berpendapat bahawa sekiranya hibah dilakukan dalam keadaan harta tersebut berada dalam status cagaran atau gadaian, maka pemilik harta hendaklah meminta keizinan daripada pihak ketiga. Berdasarkan pengamalan di Malaysia, pihak ketiga merupakan pihak bank. Oleh yang demikian, keizinan daripada pihak bank diperlukan. Pembuktian secara dokumen atau keterangan daripada pihak bank hendaklah ditunjukkan di hadapan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah.

Namun begitu, terdapat satu kes yang membolehkan penggadai menghibahkan harta yang masih di dalam milikan pemegang gadaian tanpa keizinan pihak ketiga. Keperluan hibah harta bercagar diterima oleh Hakim Syarie dalam kes *Mohd Pauzi Bin Ibrahim* v *Nor 'Aliah Binti Ibrahim* (06100-044-0306-2015) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan dan kes *Yati Suraya* v *Supiah Binti Abu* yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan setelah hakim memastikan tiada risiko yang bakal dihadapi oleh pemegang gadaian. Hibah harta bercagar ini dibolehkan sekiranya harta tersebut dilindungi oleh badan-badan yang boleh menjamin harta tersebut seperti takaful.

Di Malaysia, terdapat satu jenis takaful iaitu *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT). Sekiranya harta masih dalam cagaran pihak bank telah dilindungi oleh MRTT ini secara penuh, maka pelaksanaan hibah harta bercagar adalah dibolehkan kerana pihak bank tidak akan menanggung risiko. Perlindungan daripada MRTT ini adalah sebagai jaminan kepada pihak bank kerana hutang tersebut akan diselesaikan sekiranya sebarang perkara berlaku kepada pemilik harta.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Ahmad Nassir Bin Abdul Aziz. (2017). Keputusan Hakim Syarie dalam Kes Hibah di Mahkamah Syariah. Temubual, 9 Jun.

Ahmad Termizi Abdullah. (2018). Seminar Hibah Hartanah Bercagar; Prinsip, Aplikasi dan Pandangan Mahakmah. Pembentangan dalam Seminar Hibah Hartanah Bercagar (hlm. 1-19).

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. (2003). *Lisan al- ʻArab*, Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Qudamah, Abdullah Bin Ahmad. (t.t). *al-Mughni*. Jil. 5. Beirut: ʻAlim al-Kutub.

Jurnal Hukum. (2008). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 26(2).

Jurnal Hukum. (2009). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 27(2).

Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56]. (2000). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

al-Khatib, Shams al-Din Muhammad Bin Muhammad al-Khatib. (2003). *al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Shuja'*. Jil. 2. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.

al-Marghinani, Burhan al-Din Abi al-Hassan Ali Bin Abi Bakar. (t.t). *al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Cet. 1. Jil.7. Bakistan: Idarah al-Quran al-ʻUlum al-Islamiyah.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2011). Penyelesaian pindah milik harta bercagar di Institusi Kewangan: Dari perspektif undang-undang Islam. *Jurnal Undang-undang Malaysia*, KANUN. 23(2): 180-208.

al-Rafi'i, Abi al-Qasim ʻAbd al-Karim Bin Muhammad Bin ʻAbd al-Karim. (1997). *al-ʻAziz bi Sharh al-Wajiz al-Ma'ruf bi al-Sharh al-Kabir*. Cet. 1. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-ʻIlmiyah.

al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Bin al-Khatib al-Sharbini. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah al-Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Cet. 1. Jil. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi',

al-Tabrizi, Muhammad Bin Abdullah al-Khatib. (2001). *Marqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-Masabih*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʻIlmiyah.

al-Zuhayli, Wahbah. (1409H/1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu.* Cet.3. Juz 5. hlm. 7. Damshiq: Dar al-Fikr.